



## Pelan Jana Semula Ekonomi Negara

### SOALAN-SOALAN LAZIM

#### Pembentangan Pelancongan PENJANA

##### 1. Apakah Kemudahan Pembentangan Pelancongan PENJANA (*PENJANA Tourism Financing, PTF*) ?

---

- Kemudahan PTF merupakan sebahagian daripada usaha Kerajaan untuk membantu sektor pelancongan. Kemudahan ini bertujuan menyokong perusahaan kecil dan sederhana (PKS) tempatan dalam sektor pelancongan, melalui usaha mengekalkan keupayaan mereka dan membantu mereka membuat perubahan supaya kekal berdaya saing selepas COVID-19.
- PKS dan perusahaan mikro yang layak masing-masing boleh memohon pembentangan sehingga RM300,000 dan RM75,000 pada kadar pembentangan sehingga 3.5% setahun. Tempoh pembentangan adalah sehingga 7 tahun.

##### 2. Siapakah yang layak memohon Kemudahan PTF?

---

- PKS tempatan dalam sektor pelancongan teras dan berkaitan pelancongan, sama ada PKS yang menurut takrifan SME Corp Malaysia atau PKS yang dilesenkan oleh / berdaftar dengan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MoTAC), layak untuk memohon Kemudahan PTF.

Segmen sektor pelancongan yang layak:

**Pelancongan teras:**

1. Premis penginapan pelancongan (seperti hotel bajet, inap desa (homestay) berdaftar, chalet dan rumah peranginan)
2. Agensi pelancongan & operator pelancongan

3. Pengangkutan untuk pelancong (seperti operator bas, bot dan kereta sewa)

**Sektor berkaitan pelancongan:**

1. Pelancongan perubatan
2. Ekosistem Mesyuarat, Insentif, Persidangan, Pameran (Meetings, Incentives, Conferences, Exhibitions, MICE)
3. Perniagaan perkhidmatan wang – untuk pengendali pertukaran wang yang berurusan terutamanya dengan pelancong ke dalam dan ke luar negeri.
4. Perniagaan runcit, rekreasi dan kesihatan berkaitan pelancongan yang boleh membuktikan tahap pergantungan mereka yang besar terhadap pelancong

**3. Bolehkah PKS memohon Kemudahan PTF daripada mana-mana bank?**

---

- PKS boleh menghubungi dan memohon daripada 12 institusi kewangan peserta (IKP) yang berikut:
  - Affin Bank Berhad/Affin Islamic Bank Berhad;
  - Alliance Bank Malaysia Berhad / Alliance Islamic Bank Berhad;
  - AmBank (M) Berhad/AmBank Islamic Berhad;
  - Bank Islam Malaysia Berhad;
  - Bank Muamalat Malaysia Berhad;
  - Bank Simpanan Nasional;
  - CIMB Bank Berhad/CIMB Islamic Bank Berhad;
  - Hong Leong Bank Berhad/Hong Leong Islamic Bank Berhad;
  - Maybank Islamic Berhad;
  - Public Bank Berhad/Public Islamic Bank Berhad;
  - RHB Bank Berhad / RHB Islamic Berhad; and
  - Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad (SME Bank).

**4. Bagaimanakah PKS boleh memastikan bahawa mereka layak untuk memohon Kemudahan PTF?**

---

- PKS dinasihati supaya menghubungi IKP untuk memastikan sama ada mereka layak memohon Kemudahan PTF. Semua permohonan pembiayaan akan tertakluk pada penilaian IKP.
- Penerima Kemudahan Bantuan Khas (*Special Relief Facility*, SRF) atau Pembiayaan PKS PENJANA (*PENJANA SME Financing*, PSF) tidak layak memohon.

**5. Perlukah PKS menyediakan cagaran untuk mendapatkan pembiayaan di bawah Kemudahan PTF?**

---

- Tidak. Cagaran TIDAK diperlukan di bawah Kemudahan PTF.

**6. Adakah 12 IKP tersebut menawarkan ciri kemudahan IKP yang sama dan pada kadar pembiayaan yang serupa?**

---

- Secara umumnya, PKS yang layak boleh mendapatkan pembiayaan di bawah PTF dengan terma yang lebih baik iaitu pembiayaan pada kadar konsesi tidak lebih daripada 3.5% setahun (termasuk fi jaminan) serta tempoh penangguhan bayaran balik bagi bayaran balik pokok dan faedah untuk tidak kurang daripada 6 bulan.
- Selain itu, 12 IKP tersebut turut menawarkan PTF dengan ciri yang berbeza-beza yang mungkin lebih sesuai untuk memenuhi keperluan PKS yang pelbagai. Contohnya, sesetengah IKP menawarkan PTF dengan tempoh pembiayaan dan tempoh penangguhan bayaran balik yang lebih panjang. PKS digalakkan untuk mencari pilihan pembiayaan terbaik yang dapat memenuhi keperluan pembiayaan mereka.
- PKS boleh merujuk Buku Kecil PTF untuk mendapatkan senarai produk yang ditawarkan oleh 12 IKP tersebut.